

Persembahan KGNS bantu kajian pelajar UMS

UB 25.11.2024 P.03

Oleh Kennedy Corleus

KENINGAU: Kumpulan Kebudayaan Persatuan Kebajikan dan Kebudayaan Etnik Kujau Gana Nabai (KGNS) mempersembahkan dua tarian etnik sempena lawatan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke daerah Keningau.

Tarian Etnik Dusun Gana

yang dipersembahkan itu ialah Sumayau dan Magunatip yang diiringi pemalu gong yang terdiri daripada ahli-ahli KGNS di Taman Bandukan Bingkor.

Persembahan tarian itu diadakan sempena kedatangan para pelajar UMS bagi Program Entologi Tari ke Keningau, di Taman Bandukan.

Turut hadir, Timbalan Presiden KGNS Yazid Mohd Hasnan Tawik serta ahli-ahli jawatankuasa KGNS.

Yazid ketika ditemui mengucapkan terima kasih kepada UMS khususnya para pelajar program Entologi Tari kerana memilih persatuan itu dalam kajian mereka.

Beliau berkata, dengan

adanya kajian yang dibuat itu sudah tentu memberi manfaat kepada para pelajar untuk mengetahui lebih mendalam tentang pengkhususan kajian terhadap budaya etnik Dusun Gana.

"KGNS sentiasa memberi kerjasama dan sokongan terhadap mana-mana pihak yang ingin melakukan kajian di lapangan," katanya.



KENANGAN: Yazid bersama ahli jawatankuasa KGNS merakamkan gambar kenangan bersama pelajar UMS yang membuat kajian tentang budaya etnik Dusun Gana.